

## BERTAM SULUR

Nama saintifik : *Corymborkis veratrifolia* (Reinw.)  
Blume  
Nama biasa : White Cinnamon Orchid  
Nama tempatan : Bertam sulur  
Famili : Orchidaceae



### Pendahuluan

Sejenis orkid yang mempunyai nilai perubatan yang kurang dikenali. Namun begitu masyarakat melayu menggunakannya sebagai rawatan untuk melancarkan perjalanan darah dalam badan.

### Ciri-Ciri Tumbuhan

Sejenis herba terrestrial (tumbuhan yang tumbuh di atas tanah) yang tumbuh secara berumpun. Bunganya berwarna putih dan boleh bertahan hanya beberapa hari sahaja. Dipercayai didebungakan oleh rama-rama. Mempunyai batang yang tumbuh secara menegak. Helaiian daun berukuran kira-kira 22-27 x 4.5-10 cm dan panjang tangkai daunnya kira-kira 0.5 cm . Mempunyai urat daun utama yang selari kira-kira 7-9 urat. Permukaan bawah daun berbulu agak jarang dan nampak seperti berkarat. Ukuran bunga kira-kira 5-10 cm panjang dan boleh mencapai sehingga 60 kuntum bunga. Ukuran sepal adalah lebih kurang 20-30 x 2-3 mm. Manakala ukuran kelopak bunganya adalah lebihkurang 25-30 x 3-4 mm.

### Tabiat Tumbuhan

Boleh didapati di kawasan hutan pamah hingga ke kawasan berketinggian sehingga 300m apl. Ia tumbuh di kawasan tanah yang berporos (serapan air yang bagus) dan pada kelembapan tanah yang tinggi.

**Bahagian Yang Digunakan:** Daun

### Amalan Tradisi Perubatan

Daun segar yang dikunyah boleh menyebabkan muntah untuk mengubati demam di kalangan kanak-kanak dan cirit-birit.